



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

**PERLANJUTAN TEMPOH  
PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN  
BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN  
BAGI PROJEK PERUNDINGAN  
YANG KURANG DARI RM50,000.00**

**Pejabat Bendahari**

04 April 2018

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 8 ( 1 )

04 APRIL 2018

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.1/2018

### **PERLANJUTAN TEMPOH PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN BAGI PROJEK PERUNDINGAN YANG KURANG DARI RM50,000.00**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai perlanjutan tempoh pengurangan jumlah peratusan Bayaran Pengurusan Perundingan bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 kepada 15% sahaja berbanding jumlah asal bayaran 20% (bagi klien sektor kerajaan) atau 25% (bagi klien sektor swasta) untuk tempoh setahun lagi sehingga 14 Mac 2019.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pengurangan jumlah peratusan bayaran pengurusan perundingan bagi projek perundingan kurang dari RM50,000 dikurangkan kepada 15% dari jumlah peratusan asal iaitu 20% atau 25 % agar kumpulan projek mendapat lebih faedah dan projek lebih kompetitif.
- 2.2 Surat Pekeliling Kewangan Bil. 6/2017 iaitu Pengurangan Jumlah Peratusan Bayaran Pengurusan Projek Perundingan Bagi Projek Perundingan Yang Kurang dari RM50,000 untuk tempoh percubaan hanya setahun sahaja telah diedarkan untuk digunapakai dan tamat pada 14 Mac 2018.
- 2.3 Bagi perlanjutan tempoh pengurangan jumlah peratusan Bayaran Pengurusan Perundingan yang baru telah diluluskan oleh Majlis Eksekutif Bil. 3/2018 untuk **tempoh perlanjutan setahun lagi** dan akan tamat pada 14 Mac 2019.

### 3.0 PEMAKAIAN DAN PINDAAN SURAT PEKELILING

- 3.1 Dengan berkuatkuasa pekeling ini, maka Surat Pekeling Kewangan Bil. 5/2016 dipinda pada para 5.1 iaitu kepada "Peraturan ini adalah berkuat kuasa sehingga tamat **tempoh perlanjutan setahun lagi** iaitu sehingga tamat pada 14 Mac 2019". Manakala lain-lain para adalah tidak berubah dan Surat Pekeling Kewangan Bil. 6/2017 adalah tidak terpakai lagi.
- 3.2 PTj juga hendaklah mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Garis Panduan Perundingan melalui Pekeling Bendahari Bil.3/2015.

Sekian, terima kasih.

**"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
DA/UPP/2018